



KEPIMPINAN CEMERLANG: SEGALANYA BERMULA DI SINI

EN ZAINAL ABIDIN BIN ARSHAD

Sekolah Kebangsaan Methodist, Parit Buntar, Perak

ABSTRAK

Pemimpin institusi pendidikan melaksanakan tugas kepimpinan sebagai tunjang utama untuk merealisasikan visi dan misi sekolah. Tanggungjawab yang diterima itu seharusnya dipikul dengan penuh keikhlasan demi kejayaan institusi itu. Nilai ikhlas ini adalah nilai utama yang perlu diterapkan ke dalam diri pemimpin untuk melahirkan kepercayaan dan keyakinan staf bawahan dan bersedia untuk membina "teamwork" yang padu dan kuat. Pemimpin yang ikhlas akan sentiasa berinisiatif dan selalu melakukan usaha atau sesuatu sebelum diarah melakukannya dan menurunkan agihan kerja kepada setiap anggota bawahannya secara adil dan berdasarkan kebolehan mereka. Sebagai pemimpin yang ikhlas dalam menjalankan tanggungjawab, ia akan menjadi contoh teladan kepada semua staf bawahan dan menjadi motivasi kecemerlangan untuk orang lain. Nilai ikhlas dalam diri pemimpin akan menggalakkan amalan nilai dan etika yang baik berterusan dalam institusi itu sendiri. Etika dalam Perkhidmatan diwujudkan sebagai garis panduan penjawat awam agar dapat menggunakan segala pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang ada untuk kebaikan institusi mereka dan semua pihak. Menilai diri seorang pemimpin perlu bagi menghitung sejauh mana keikhlasan itu wujud di dalam diri kita. Penilaian diri ini tidak bermakna jika kita tidak menggaris atau merancang sesuatu pada awalnya. Ikhlas akan wujud di dalam diri seseorang itu apabila ada kesedaran tentang etika kerja yang seharusnya dijadikan panduan.

PENDAHULUAN

Kepimpinan merupakan proses mempengaruhi sesuatu kelompok dalam situasi dan masa yang tertentu untuk memberi pengalaman dan kepuasan (Gribben, 1972). Ini bermakna kepimpinan sebagai suatu mekanisme mempengaruhi individu atau kelompok lebih bertendensi ke arah proses pelaksanaan bertanggungjawab bagi mencapai matlamat organisasi (Hersey & Blanchard, 1977). Sehubungan dengan itu, Hollander (1984) merujuk kepada kepimpinan berketrampilan menyebarluaskan kekuatan dirinya secara fitrah artificial atau kedua-duanya sekali. Kepimpinanlah yang akan membawa segala usaha untuk penambahbaikan organisasi. Tanpa kepimpinan, matlamat dan nilai tidak dapat diperjelaskan, perancangan tidak dapat dibentuk atau dilaksanakan dan individu dalam organisasi itu tidak dapat menyumbang sepenuhnya ke arah kecemerlangan.

Persoalan tanggungjawab merupakan satu deskripsi amanah yang dipikul oleh seseorang pemimpin itu apabila ianya telah mengikrarkan penerimaannya. Dalam hal ini, apabila tanggungjawab telah diterima oleh seseorang pemimpin itu, sewajarnya ia dilaksanakan demi memastikan tercapainya misi dan visi skop pertanggungjawaban itu sendiri.

Perbincangan pokok di sini ialah apakah tanggungjawab yang diterima itu akan dilaksanakan secara ikhlas tanpa mengharap ganjaran semata-mata. Ikhlas merupakan suatu sifat peribadi yang sangat dituntut terutamanya dalam Islam. Etika kerja disediakan sebagai asas perkhidmatan yang amat penting ketika melaksanakan tugas yang diamanahkan. Ia berkaitan dengan mutu dan dasar-dasar moral yang seharusnya menjadi



pegangan kepada penjawat awam. Sehubungan dengan itu, nilai “ikhlas” ini adalah satu daripada beberapa nilai utama di bawah penerapan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan.

Asas karakter kepimpinan cemerlang ialah terhasil dari pembinaan ciri-ciri dalaman manusia khususnya hati dan sanubari mereka (Osman Ayob, 1989). Oleh yang demikian, penerapan nilai-nilai humanisme di dalam diri perlu bagi membentuk diri sebagai pemimpin dengan kuasa moral yang jelas dalam memimpin institusi itu.

KEIKHLASAN DALAM MENERIMA TANGGUNGJAWAB

Sebagai pemimpin institusi pendidikan, melaksanakan tugas kepimpinan adalah tunjang utama untuk merealisasikan visi dan misi sekolah. Tindakan pemimpin seharusnya tertumpu ke arah sumber-sumber yang bermanfaat. Ini tentunya melibatkan pergerakan dan inisiatif. Pemimpin perlu bertindak apabila berhadapan dengan masalah, melaksanakan pemilihan dan membuat keputusan. Di sinilah pemimpin seharusnya menyedari bahawa tanggungjawab yang diterima itu seharusnya dipikul dengan penuh keikhlasan demi kejayaan institusi itu. Nilai ikhlas ini adalah nilai utama yang perlu diterapkan ke dalam diri pemimpin. Tugas yang kita jalankan adalah amanah Tuhan yang amat besar dan perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Akauntabiliti kita selaku pemimpin adalah kepada Tuhan dan keikhlasan melaksanakan tanggungjawab ini melebihi daripada ganjaran atau gaji yang diterima. Keikhlasan perlu bagi mendapatkan ganjaran sebenar daripada Allah SWT. Mafhum Surah Al Baqarah Ayat 286 – “Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan apa yang terdaya olehnya”. Ayat ini memberi panduan bahawa tidak ada sebab bagi seseorang penjawat awam itu mengeluh dan mengatakan bahawa tugasnya terlalu berat dan sukar. Dengan lain perkataan, keikhlasan menerima dan melaksanakan tugas kita sebagai pemimpin amat perlu demi menjayakan matlamat institusi.

“Seorang yang jujur dan taat; benar dalam apa yang dilakukan, dikatakan dan diajarkan. Dia amat bermakna. Seorang yang hanya bercakap apabila perlu, berdiam diri apabila tiada apa-apa yang perlu diperkatakan; tetapi tepat, bijak, jujur apabila dia perlu bercakap; sentiasa memberi pandangan bernas terhadap sesuatu perkara. Hanya inilah kata-kata wajar untuk diucapkan”.

Thomas Carlyle

KESUNGGUHAN MEMBINA KECEMERLANGAN

Selain dari itu, nilai keikhlasan ini amat berharga bagi melahirkan ketekunan untuk membawa kejayaan. Seterusnya akan melahirkan kepercayaan dan keyakinan staf bawahan yang bersedia untuk membina “teamwork” yang padu dan kuat. Kesediaan menerima cabaran akan melahirkan rasa tanggung jawab untuk membina kekuatan bersama mendokong aspirasi institusi. Seorang pemimpin yang ikhlas tidak akan bekerja sambil lewa sahaja. Amanah dan tanggungjawab seharian tidak akan dianggap sebagai satu bebanan atau sebagai rutin sahaja. Kerja yang perlu dilaksanakan akan dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Prestasi pemimpin ini sentiasa tinggi serta disokong oleh staf bawahannya. Jika pemimpin ini menemui kesulitan semasa melaksanakan tugasnya, ia akan terus berusaha mencari jalan penyelesaian bersama-sama anggota lain dalam institusi itu.



Pemimpin yang ikhlas akan sentiasa berinisiatif dan selalu melakukan usaha atau sesuatu sebelum diarah melakukannya. Pemimpin ini akan merancang dengan teliti untuk mengelakkan berlakunya kesilapan. Pemimpin ini akan menurunkan agihan kerja kepada setiap anggota bawahannya secara adil dan berdasarkan kebolehan mereka.

PEMBINAAN TEAMWORK YANG PADU

Pemimpin yang ikhlas akan melahirkan suasana keseronokan bekerja di kalangan staf bawahan sebagai satu kriteria penting institusinya. Pemimpin ini akan menerima tugasannya sebagai ibadah, sentiasa inovatif, suka menyumbang dan "resourceful". Situasi ini akan melahirkan satu pasukan kerja yang sama-sama dapat menerima tugas yang diamanahkan dan seterusnya keseronokan bekerja dalam institusi ini akan membawa kepada kejayaan institusi itu.

Pemimpin seumpama ini akan menjalankan tugasnya dengan penuh kesedaran bahawa sokongan setiap staf bawahan adalah penting. Pemimpin perlu terlebih dahulu "ikhlas" untuk mewujudkan institusi yang harmoni. Pemimpin ini akan terus memimpin dan staf sokongan akan terus menyokong perjalanan institusi itu.

Ketekunan kepimpinan secara ikhlas ini akan meningkatkan kecekapan diri sendiri dan semua staf sokongan. Ketekunan akan menghasilkan sesuatu output institusi dengan cemerlang walaupun amanah atau tanggungjawab yang perlu diselesaikan itu berat. Keikhlasan seorang pemimpin itu boleh dinilai melalui kecekapannya memimpin. Mutu kecekapan seorang pemimpin itu akan terus meningkat jika pemerolehan ilmu dan kepakaran terus dicari untuk kecemerlangan institusi itu sejajar dengan konsep "tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad".

Pemimpin-pemimpin yang ikhlas akan sentiasa menganggap kerja sebagai ibadah, mempunyai inisiatif diri, selalu menghasilkan sesuatu yang berfaedah, mempunyai komitmen bekerja dan kesediaan memberi kerjasama. Kerja yang dianggap sebagai ibadah tidak akan menjadi chore yang membeban dan membosankan. Penerimaan hakikat ini akan mendatangkan kepuasan kerja dan semangat untuk terus meneruskan menjalankan tugas. Pemimpin yang seronok bekerja akan sentiasa bersifat proaktif (Covey, 1990 : 66-94).

MENJADI PENGARUH TELADAN YANG CEMERLANG

Sebagai pemimpin yang ikhlas dalam menjalankan tanggungjawab, ia akan menjadi pengaruh teladan kepada semua staf bawahan. Amalan bertertib dan beradab, kuat bekerja, berpandangan jauh, sentiasa menimba dan memanfaatkan ilmu serta selalu mengutamakan orang lain akan melahirkan kepercayaan yang tinggi daripada staf lain. Sikap akan menjadi pengaruh teladan yang baik dan menjadi motivasi kecemerlangan untuk orang lain. Staf bawahan akan melihat keikhlasan pemimpin ini sebagai pendorong untuk kejayaan diri mereka dan institusi itu sendiri.

Pemimpin ini akan sentiasa menepati masa, menyegerakan tugas, mempunyai perancangan waktu yang sempurna, bijak menggunakan masa serta selalu menyelesaikan tugas berdasarkan tempoh masa yang ditentukan. Ketekunan pemimpin seumpama ini boleh dilihat apabila gigih ketika melaksanakan tugas, sentiasa rajin dan berusaha, sabar ketika menghadapi cabaran, berdisiplin dan berpandangan jauh. Pemimpin yang ikhlas

juga selalunya berdedikasi, bersemangat, kesanggupan berkorban, tidak mudah putus asa serta sentiasa bercita-cita tinggi.

Keikhlasan pemimpin juga dilahirkan melalui kekuatan-kekuatan peribadi pemimpin itu seperti bersopan santun, sentiasa memaafkan orang lain, berupaya bersimpati dengan kesusahan dan masalah orang lain, sentiasa bertimbang rasa dan bersikap pemurah. Pemimpin seperti ini juga selalunya mudah mesra dan didekati, sentiasa merendah diri dan berbudi mulia.

Pemimpin yang ikhlas akan sentiasa mempamerkan kemuliaan dan kesederhanaan peribadi yang akan dicontohi oleh staf bawahan. Pemimpin ini selalunya mempunyai komunikasi yang jelas, tidak terlalu tamakkan kedudukan, sentiasa mengamalkan berjimat cermat. Keikhlasan kepimpinan juga selalu dicerminkan melalui bersikap adil dan menepati janji. Di samping itu, pemimpin seumpama ini biasanya boleh mendengar pandangan dan pendapat orang lain serta cermat dalam tutur kata.

Pemimpin seumpama ini akan melahirkan staf yang berasa senang dan selesa, tidak berasa takut atau gentar dan sentiasa berusaha bersama-sama demi kecemerlangan institusi itu.

PENGAMALAN NILAI DAN ETIKA YANG TERPUJI

Nilai ikhlas dalam diri pemimpin akan menggalakkan amalan nilai dan etika yang baik berterusan dalam institusi itu sendiri. Kesiediaan untuk membuat perubahan, berani mencuba dan memanfaatkan cadangan yang baik akan lahir secara sendiri apabila keikhlasan ini wujud di dalam diri pemimpin. Situasi ini akan mencetuskan keunikan, kreativiti serta menggalakkan percambahan idea yang disertai oleh staf bawahan. Keikhlasan ini akan membina persekitaran kerja yang kondusif dan seterusnya melahirkan perkhidmatan yang cemerlang. Semangat bergotong-royong dan berpadu fikiran melahirkan suasana kerja yang ceria dan gembira serta akan meningkatkan mutu perkhidmatan setiap anggota bawahan institusi berkenaan.

Suasana dan persekitaran seumpama ini akan terus menyumbang kepada kesedaran untuk terus berkhidmat secara ikhlas bukan sahaja di kalangan pemimpin tetapi setiap anggota bawahan institusi berkenaan. Kesedaran akan tanggungjawab terhadap tugas akan menjadi keutamaan. Pemimpin ini akan terus menjadi kekuatan staf sokongan untuk terus tekun dan sabar, mempunyai inisiatif diri serta boleh diharap. Di samping itu juga, setiap anggota bawahan akan sentiasa mementingkan kualiti kerja, cergas serta pantas dan pada masa yang sama cermat dan berdisiplin. Pemimpin yang ikhlas akan sentiasa mempelajari sesuatu daripada kesilapan serta sentiasa bersikap profesional dan cekap melaksanakan tugas.

"Kepimpinan adalah pengorbanan – ia mengetepikan kemahuan diri sendiri – ia adalah kecintaan, ia adalah ketiadaan ketakutan, dan kemanusiaan, dan ia adalah dalam kemahuan yang ingin memiliki kesempurnaan disiplin. Ini juga merupakan kelainan di antara orang-orang yang berjiwa besar dan kerdil. Lebih kuat anda bekerja, lebih kuat juga anda tidak akan menyerah. Peranan pemimpin ialah untuk meningkatkan, mengubah, membimbing, menjaga, mempercayai, dan mewujudkan keceriaan. Aktiviti-aktiviti pemimpin bertujuan untuk mendidik, menyumbang, membimbing,



mengajar dan menasihati pada masa, dengan nada, kesudahan dan kemahiran yang betul".

Tom Peters dan Nancy Austin (Passion of Excellence)

PENUTUP

Etika dalam Perkhidmatan diwujudkan sebagai garis panduan penjawat awam agar dapat menggunakan segala pengetahuan, kepakaran dan kemahiran yang ada untuk kebaikan institusi mereka dan semua pihak.

Elemen "ikhlas" merupakan satu elemen yang sangat penting bagi seseorang individu terutama seorang "pemimpin" untuk dihayati dan diamalkan. Ikhlas akan wujud di dalam diri seseorang itu apabila ada kesedaran tentang etika kerja yang seharusnya dijadikan panduan.

Menilai diri seorang pemimpin perlu bagi menghitung sejauh mana keikhlasan itu wujud di dalam diri kita. Penilaian diri ini tidak bermakna jika kita tidak menggaris atau merancang sesuatu pada awalnya. Keikhlasan ini terlalu besar peranannya dalam menentukan kejayaan sesebuah institusi. Ia berkait rapat dengan matlamat serta ke arah mana institusi itu dibawa oleh pemimpin berkenaan.

RUJUKAN

Ahmad Sarji bin Abdul Hamid (1991). *Perkhidmatan Awam Yang Berkualiti*, KL; INTAN.

Carlyle, T. (1959). *Heroes and Hero-Worship*. London.

INTAN (1994). *Karya, Falsafah, Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*.

INTAN (1999). *Kecemerlangan Pentadbiran. Dasar dan Amalan Dalam Islam*. KL.

INTAN (1988). *Khidmat Cemerlang*. KL.

INTAN (1991). *Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam*. KL.

INTAN (1992). *Sari Adab Pentadbiran*. KL.

INTAN (1992). *Tonggak 12: Penerapan Nilai, Norma dan Etika Perkhidmatan*. KL.

Ismail Omar (2000). *Kepimpinan Nabi Muhammad SAW – Pengurusan Altruistik – Model Ikutan Sepanjang Masa*. Utusan Publications.

Osman Ayob. (1989). *Etika Kerja dan Profesionalisma Islam*. Kuala Lumpur: Frontier Enterprise.

Uplding The Integrity of The Malaysian Civil Service (1993). KL: Public Service Department, Malaysia.

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie. (2003). *Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.